

PEMBUKTIAN LIBAT URUS PELAJAR DALAM PENYEDIAAN MESYUARAT SENAT UNIVERSITI

1. PENGENALAN

Dokumen ini disediakan sebagai pembuktian audit QS WUR *Rankings: Sustainability* UTeM berkaitan penglibatan pelajar di peringkat universiti, khususnya penglibatan dalam Mesyuarat Senat.

Wakil pelajar tidak terlibat secara langsung dalam Mesyuarat Senat. Walau bagaimanapun, pihak universiti melalui Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar telah melaksanakan sesi libat urus bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai mekanisme bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas pelajar terutamanya dalam penyediaan kalendar akademik.

2. MAKLUMAT SESI LIBAT URUS PELAJAR

Satu sesi perbincangan bersama Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diadakan seperti ketetapan berikut:

- **Tarikh** : 16 Disember 2024
- **Tempat** : Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Akademik, Kompleks Dewan Kuliah
- **Pihak terlibat**
 - Pegawai Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar
 - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM

3. TUJUAN DAN SKOP PERBINCANGAN

Sesi ini diadakan bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas pelajar terhadap Draf Kalendar Akademik Sesi 2025/2026 sebelum ianya dibentangkan ke Mesyuarat Senat.

Fokus utama perbincangan adalah seperti berikut:

1. Penjadualan semula draf jadual peperiksaan akhir
2. Pembentangan dan perbincangan hasil tinjauan berkaitan mod pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pada:
 - Hari Krismas
 - Bulan Ramadan

MPP telah memberikan pandangan, cadangan serta maklum balas berdasarkan keperluan dan kebajikan pelajar.

4. KAEDAH PENGLIBATAN PELAJAR

Penglibatan pelajar dilaksanakan melalui pendekatan berikut:

- Sesi libat urus rasmi bersama MPP sebagai wakil pelajar
- Perbincangan dua hala antara pihak pengurusan dan wakil pelajar
- Pengumpulan maklum balas pelajar melalui MPP

Pendekatan ini memastikan suara pelajar diambil kira secara sistematik dalam proses perancangan kalendar akademik universiti.

5. MESYUARAT SENAT

Hasil perbincangan bersama MPP telah dirumus dan dibentangkan dalam:

- Mesyuarat Senat Bil. 3/2025
- Tarikh: 26 Mac 2025

Perkara-perkara yang dibincangkan bersama MPP telah dijadikan input dalam pembentangan Draf Kalendar Akademik bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan oleh ahli Senat.

6. IMPAK

Sesi libat urus ini membolehkan:

- i. Pandangan dan kebajikan pelajar diambil kira dalam penetapan kalendar akademik.
- ii. Penambahbaikan terhadap perancangan jadual peperiksaan dan PdP.
- iii. Penyelarasan keputusan universiti dengan keperluan semasa pelajar.

Ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar tetap dilaksanakan secara tidak langsung tetapi berkesan dalam proses membuat keputusan di peringkat tertinggi universiti.

7. LAMPIRAN

- i. Lampiran A (Sesi perbincangan Bersama MPP)



ii. Lampiran B (hebahan rasmi)

10:22 98

Posts
mpputem2526 Follow

18 December 2024 · See Translation

mpputem2526



91 3

mpputem2526 [MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UTeM SESI 2024/2025]
[KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UTeM KE BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (BPA)]


بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum w.b.t dan Salam UTeMku Sayang,
Menjajar Universiti, Melonjak Ke hadapan.

Pada 16 Disember 2024, Majlis Perwakilan Pelajar telah mengadakan kunjungan hormat ke Bahagian Pengurusan

10:21 98

Posts
mpputem2526 Follow



91 3

mpputem2526 [MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UTeM SESI 2024/2025]
[KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UTeM KE BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (BPA)]

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum w.b.t dan Salam UTeMku Sayang,
Menjajar Universiti, Melonjak Ke hadapan.

Pada 16 Disember 2024, Majlis Perwakilan Pelajar telah mengadakan kunjungan hormat ke Bahagian Pengurusan Akademik. Sesi kunjungan hormat ini dimulakan dengan pengenalan barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2024/2025 dan perkongsian idea daripada Encik Misdom Bin Lan.

Majlis Perwakilan Pelajar dengan kesempatan itu membincangkan beberapa perkara ke kunjungan hormat tersebut. Antaranya:

- Menyuarakan isu penjadualan semula draf peperiksaan akhir.
- Membentangkan hasil dapatan tinjauan mod Pdp pada hari krismas dan bulan ramadan.

Sekian, Terima Kasih.

Majlis Perwakilan Pelajar UTeM Sesi 2024/2025

"Membangun Potensi, Menggerak Transformasi"

#mpputem2425

17 December 2024 · See Translation

9:42 4G 53

Bahagian Pengurusan Akademik - BPA UTeM
16 Dec 2024 ·

Sesi Kunjung Hormat Majlis Perwakilan Pelajar UTeM Sesi 2024/2025 ke Bahagian Pengurusan Akademik telah diadakan pada 16 Disember 2024 di Bilik Mesyuarat BPA UTeM bersama Ketua Bahagian Pengurusan Akademik dan pegawai-pegawai.

#MyUTeM #keluargautem #bpaUTeM
##menjajaruniversitimelonjakkehadapan #mppUTeM #PendaftarUTeM



6 1

Write a comment...

8. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, walaupun wakil pelajar tidak terlibat secara langsung dalam Mesyuarat Senat, pihak universiti telah menyediakan saluran libat urus yang berkesan melalui Majlis Perwakilan Pelajar.

Pandangan yang diperoleh telah diangkat ke Mesyuarat Senat, sekali gus membuktikan bahawa elemen penglibatan pelajar dalam proses membuat keputusan universiti tetap dilaksanakan secara terancang dan sistematik.



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 26

31hb Disember 2010

*TAMBAHAN No. 154
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 469.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

**PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PENGUBAHAN DAN
PENAMBAHAN KEPADA, PERLEMBAGAAN) (UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 26(b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengubahan dan Penambahan kepada, Perlembagaan) (Universiti Teknikal Malaysia Melaka) 2010** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “Perlembagaan” ertinya Perlembagaan yang ditetapkan dalam Jadual Pertama kepada Akta.

Pengubahan dan penambahan diperihalkan dalam Jadual

3. Peruntukan Perlembagaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual adalah dipinda mengikut cara yang diperihalkan dalam ruang (2) bagi maksud pemakaiannya bagi Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

(1) <i>Peruntukan Perlembagaan</i>	(2) <i>Perihalannya perubahan dan penambahan</i>
	(5) Ahli Lembaga hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.
	(6) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.”.
18. Seksyen 15	Nomborkan semula sebagai seksyen 19.
19. Seksyen 16	Nomborkan semula sebagai seksyen 20.
20. Seksyen 16A	Nomborkan semula sebagai seksyen 21.
21. Seksyen 17	Nomborkan semula sebagai seksyen 22.
	Gantikan dengan yang berikut:
	“Senat
	22. (1) Senat hendaklah terdiri daripada—
	(a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
	(b) semua Timbalan Naib Canselor;
	(c) semua Dekan Fakulti dan semua ketua Kampus Cawangan, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti;
	(d) tidak lebih daripada dua puluh orang profesor sepenuh masa yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti; dan
	(e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah diko-opt oleh Naib Canselor selama tiga tahun.

(1)
Peruntukan Perlembagaan

(2)
Perihal perubahan dan penambahan

(2) Senat boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat Senat.

(3) Dalam masa ketidakhadiran Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat.

(4) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.

(5) Senat adalah menjadi badan akademik bagi Universiti dan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain.

(6) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen 4(3) dan subseksyen (5), Senat hendaklah melaksanakan fungsi yang berikut dan menjalankan kuasa yang berikut:

- (a) untuk menubuhkan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut, dan jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu;
- (b) dengan keizinan Lembaga, untuk memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan, atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang;